

31 MAR 2001

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi BN

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) yang dijangka membincangkan pelbagai isu yang menyentuh kepentingan negara.

Mesyuarat yang diadakan di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu bermula pukul 9.30 pagi.

Antara isu yang dijangka disentuh ialah kejadian pergaduhan penduduk di sekitar Jalan Klang Lama baru-baru ini yang meragut enam nyawa.

Pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN 16 Mac lepas beberapa isu semasa dibangkitkan tetapi kerana kesuntukan masa, ia diminta diadakan sekali lagi.

-- BERNAMA
MAM YBK AKD